



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN TAHUNAN 2023

Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang



"Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



JABATAN ALAM SEKITAR

ISI KANDUNGAN

Pra-Kata	2
Pengenalan	3
Piagam Pelanggan	4
• Bab 1: Penguatkuasaan Punca Tetap	10
• Bab 2: Unit Kenderaan Bermotor	20
• Bab 2: Aduan Pencemaran Alam Sekitar	26
• Bab 3: Pendakwaan	31
Pembangunan	
• Bab 5: Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)	36
• Bab 6: Laporan Penguatkuasaan EIA	39
• Bab 7: Input Pembangunan bagi Projek	43
• Bab 8: Notifikasi	46
• Bab 9: Pengawasan Alam Sekitar	49
• Bab 10: Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar	56
• Bab 11: Pentadbiran	76
• Bab 12: Latihan Pelajar Industri	78
• Bab 13: Hubungi Kami	86



SEKAPUR SIREH

السلام عليكم

Bismillahirrahmanirahim



Norazizi Bin Adinan
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang

Segala puji bagi Allah S.W.T. Alhamdulillah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Bagi Tahun 2023.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya, negeri Pulau Pinang dirahmati dengan kualiti alam sekitar yang baik.

Namun, terdapat juga beberapa insiden pencemaran yang terjadi pada Tahun 2023 yang perlu kepada pemantauan dan juga pengutkuasaan. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengambil perhatian serta memberi sokongan dalam menjaga kelestarian alam sekitar serta bersama-sama memulihara alam sekitar. Walaupun cabaran mendatang akan terus meningkat di dalam pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar, saya percaya segalanya boleh dilalui dengan komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan dan kerjasama yang erat daripada pelbagai pihak.

Akhir kata, diucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang dan semua jabatan atau agensi kerajaan mahupun swasta, dan pertubuhan badan sukarela bukan kerajaan (NGOs), yang telah memberikan komitmen dan kerjasama erat dalam memastikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya dapat dikuatkuasa bagi mewariskan alam sekitar yang bersih dan selamat untuk generasi akan datang.

**“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB
BERSAMA”**

Terima kasih

■ OBJEKTIF JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

- Mengawasi keadaan alam sekitar dengan menentukan kualiti segmen – segmen alam sekitar iaitu sungai, udara, air laut, dan tanah mematuhi garis panduan yang ada dan melaporkan kepada pihak-pihak berkenaan untuk tindakan pembaikan dan pemuliharaan.
- Mengawasi keadaan alam sekitar dengan menentukan kualiti segmen – segmen alam sekitar iaitu sungai, udara, air laut, dan tanah mematuhi garis panduan yang ada dan melaporkan kepada pihak-pihak berkenaan untuk tindakan pembaikan dan pemuliharaan.
- Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan penggerak projek mengambil kira faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, program, pelan dan projek-projek pembangunan.
- Mempertingkatkan perhubungan dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memelihara, mengawal, dan mencegah kemerosotan Kualiti alam sekitar.





KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

MISI

**PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR
UNTUK KESEJAHTERAAN HIDUP**

VISI

**MEMASTIKAN PEMBANGUNAN
LESTARI DI DALAM PROSES
MEMAJUKAN NEGARA**



DASAR ALAM SEKITAR NEGARA

PENINGKATAN
BERTERUSAN
KUALITI ALAM
SEKITAR

MEMBUAT
KEPUTUSAN
BERSEPADU

PERANAN
SEKTOR SWASTA

KOMITMEN DAN
KEBERTANGGUNG-
JAWABAN

PENGGUNAAN
MAMPAN
SUMBER-SUMBER
ASLI

PENGAWASAN
ALAM SEKITAR

PENYERTAAN
AKTIF DALAM
MASYARAKAT
ANTARABANGSA

PEMULIHARAAN
KETAHANAN
DAN
KEPELBAGAIAN
ALAM

STRATEGI

Bagi mencapai objektif

- Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan segala Peraturan-Peraturan dibawahnya;
- Pengawasan segmen – segmen alam sekitar, bagi mengenal pasti sebarang perubahan yang berlaku terhadap kualiti alam sekitar;
- Perancangan projek pembangunan secara bersepadu dengan mengintegrasikan faktor-faktor alam sekitar dalam semua perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015.
- Pendidikan alam sekitar dan sebaran maklumat alam sekitar secara formal dan tidak formal diberi penekanan dengan mengadakan ceramah dan pameran, mewujudkan perpustakaan Jabatan serta pelbagai program alam Sekitar.



PIAGAM PELANGGAN



Wawasan

“Kami semua adalah peka, prihatin dan sentiasa mengkaji semula setiap peruntukan undang-undang, peraturan, kaedah, piawaian, prosedur dan budaya kerja kami supaya tidak menjejaskan atau membawa kepada kesan-kesan negatif kepada pertumbuhan pembangunan yang berterusan; malah kami akan membawa pelbagai pembaharuan yang mungkin, untuk bersama-sama mencapai matlamat”.

PENGUATKUASAAN

- Semua aktiviti penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 akan sentiasa dipertingkatkan dan diperketatkan untuk menjamin pencapaian tahap pematuhan maksimum, dan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dengan tegas, penuh adil dan saksama.
- Semua kes tindakan mahkamah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penyiasatan atau tarikh kesalahan.

■ KELULUSAN PERANCANGAN PROJEK

- Keputusan permohonan Kebenaran Bertulis (KB) untuk membangunkan Premis- Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual) dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi pemasangan Alat Pembakaran Bahan api (APB) dan alat-alat kawalan pencemaran udara dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
- Keputusan ke atas laporan kajian awal EIA yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 5 minggu.
- Keputusan Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi aktiviti pembangunan baru dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.

■ PENGELUARAN LESEN-LESEN

- Pengeluaran lesen bagi permohonan pengeluaran lesen kilang getah adalah selewat-lewatnya 31 Mac tiap-tiap tahun
- Pengeluaran lesen bagi permohonan pembaharuan lesen kilang kelapa sawit selewat-lewatnya 30 Jun tiap-tiap tahun
- Pengeluaran lesen bagi permohonan pembaharuan lesen premis yang ditetapkan buangan terjadual adalah selewat-lewatnya 30 April tiap-tiap tahun.

■ PENGADUAN AWAM

- Semua kes aduan berkaitan alam sekitar akan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh 7 hari hingga ke 14 hari.



BAHAGIAN OPERASI 2023

Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang



PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP

BAB 1



RINGKASAN INVENTORI MENGIKUT PUNCA

2



PYDT (KKS)

53



PYDT (BT)

1



PYDT (KG)

778



PREMIS
KUMBAHAN

4924



PYBDT INDUSTRI

JUMLAH PUNCA KESELURUHAN

5786



TINDAKAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2023

1183



PEMERIKSAAN
DI LAPANGAN

187



NOTIS

259



KOMPAUN

95



KERTAS
SIASATAN

0



PENGANTUNGAN
LESEN

0



PERINTAH LARANGAN

3



PENAHANAN
KELENGKAPAN




TINDAKAN PENGUATKUASAAN PYBDT MENGIKUT UNIT

PYBDT bagi kawasan Seberang Perai terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Selatan (SPS), Seberang Perai Tengah (SPT) terbahagi kepada dua bahagian iaitu SPT 1 dan SPT 2 serta satu cawangan di Bayan Lepas (CBL) dengan bilangan premis keseluruhan Pulau Pinang adalah sebanyak 5786.

Pada tahun 2023, Bahagian Operasi JAS-PP telah menjalankan sebanyak 1183 pemeriksaan penguatkuasaan terhadap premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) di Pulau Pinang merangkumi pelbagai jenis sektor industri yang tertakluk di bawah AKAS 1974.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 259 kompaun telah ditawarkan kepada premis-premis (punca tetap) di negeri Pulau Pinang bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya. Unit SPT1 telah mengeluarkan kompaun yang tertinggi, diikuti Cawangan Bayan Lepas.



GAMBAR-GAMBAR PENGUATKUASAAN PYBDT



TINDAKAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2023 BAGI UNIT PYBDT

1013



PEMERIKSAAN DI
LAPANGAN

174



NOTIS

247



KOMPAUN

95



KERTAS
SIASATAN

0



PERINTAH
LARANGAN

3



PENAHANAN
KELENGKAPAN



TINDAKAN PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)



PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), premis yang ditetapkan adalah ditakrifkan sebagai premis yang dilesenkan sebagaimana ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18, Akta 127. Premis yang ditetapkan tersebut merangkumi kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah dan kilang atau kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual seperti dinyatakan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.




Operasi premis-premis ini adalah tertakluk kepada keperluan Seksyen 18, Akta 127 di mana pemilik premis ini perlu mempunyai lesen daripada Jabatan Alam Sekitar bagi menduduki dan/atau menggunakan premis. Berdasarkan rekod JAS Pulau Pinang pada 1 Januari 2023, bilangan PYDT yang dilesenkan oleh JAS adalah:

- a) 1 kilang getah asli mentah
- b) 2 kilang kelapa sawit mentah
- c) 54 kilang/ kemudahan pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual

Pada tahun 2023, sebanyak 170 pemeriksaan telah dijalankan oleh JAS Pulau Pinang ke atas PYDT yang dilesenkan di atas.



TINDAKAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2023 BAGI UNIT PYDT



OPERASI GEMPUR 2023


OPERASI GEMPUR JAS PULAU PINANG

Pada tahun 2023, JAS Pulau Pinang telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Operasi Gempur, iaitu operasi penguatkuasaan bersasar ke atas premis yang tertakluk kepada Akta 127 secara besar-besaran. Ianya bertujuan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan 127 dalam usaha menangani isu-isu pencemaran alam sekitar yang boleh menjejaskan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Operasi ini juga turut dilaksanakan bagi mencegah kes-kes pencemaran air yang boleh menyebabkan henti tugas loji bekalan air. Operasi ini telah dilaksanakan di seluruh Negara secara berkala. Program ini juga turut dijalankan secara bersepadu dengan penglibatan langsung dari pelbagai agensi penguatkuasa yang berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing bagi meningkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan ke atas premis. Melalui Operasi Gempur ini, pemilihan penguatkuasaan diutamakan terhadap premis atau punca-punca pencemaran terutamanya yang memenuhi antara kriteria berikut:

- a) terletak di hulu takat pengambilan air;
- b) operasi premis yang mendapat aduan yang kerap;
- c) premis yang menghasilkan beban pencemar yang tinggi;
- d) premis bermasalah dan sering dikenakan tindakan penguatkuasaan;
- e) premis yang dilesenkan oleh JAS;
- f) premis menghasilkan buangan terjadual dalam kuantiti yang tinggi; atau
- g) premis yang terletak di kawasan yang mempunyai isu alam sekitar.

Pada tahun 2023, JAS Pulau Pinang telah menjalankan operasi yang melibatkan 199 premis dari pelbagai jenis industri. Sebanyak 352 tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 127 telah diambil ke atas premis yang gagal mematuhi peruntukan Akta tersebut yang turut melibatkan 184 arahan lapangan, 61 notis arahan, 103 kompaun, 3 penahanan operasi kelengkapan dan 1 penyediaan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah.



Pemeriksaan di Lapangan



Pemeriksaan di Lapangan



UNIT KENDERAAN BERMOTOR

BAB 2



PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

Unit Kenderaan Bermotor merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Operasi JAS Pulau Pinang yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti berikut:

1. Kawalan Pelepasan asap kenderaan berenjin diesel;
2. Kawalan Pelepasan gas kenderaan petrol termasuk motosikal;
3. Operasi catat dan rakaman video kamera pelepasan asap kenderaan diesel;
4. Kawalan bunyi bising kenderaan motor (motosikal)
5. Penguatkuasaan ke atas refrigeran pada alat pendingin udara kenderaan serta bengkel servis pendingin udara kenderaan;
6. Penguatkuasaan ke atas premis Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL);
7. Penguatkuasaan ke atas premis Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*);
8. Penguatkuasaan ke atas kenderaan yang dihentikan dalam kawasan tertutup, separa tertutup atau mana-mana hentian tidak melebihi 3 minit dan;
9. Persampelan kandungan bahan api petrol dan diesel.



UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan


Aktiviti penguatkuasaan pelepasan asap hitam ini dijalankan melalui pelaksanaan program berikut:

- Program operasi bersepadu bersama pelbagai agensi kerajaan; dan
- Program operasi JAS peringkat kebangsaan.

Setiap kenderaan yang ditahan akan melalui dua (2) peringkat ujian iaitu ujian pemerhatian/ visual ke atas pelepasan asap hitam dengan cara menekan pedal kenderaan dan ujian kedua adalah dengan menggunakan peralatan meter asap samada Tecnomotor OPA 840 Plus atau Muller Bem 898. Peringkat ujian pemerhatian akan mengenalpasti kenderaan yang dijangka melepaskan asap hitam melebihi piawai yang dibenarkan, dan seterusnya akan ditahan untuk diuji menggunakan peralatan meter asap bagi ujian yang lebih tepat serta untuk mendapatkan nilai pelepasan asap hitam yang dikeluarkan oleh kenderaan. Pelepasan asap hitam yang melebihi Had 50 HSU atau 50.0% yang dibenarkan akan dikenakan tindakan kompaun.



PENCAPAIAN 2023 KENDERAAN BERMOTOR



UJIAN METER	BILANGAN
UJIAN METER PELEPASAN ASAP	153
UJIAN METER (PELEPASAN BUNYI BISING)	139
UJIAN METER CO/HC	67



OPERASI STATIK KAWALAN PELEPASAN ASAP HITAM KENDERAAN BERENJIN DIESEL DAN ENJIN PETROL

Penguatkuasaan dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi memastikan kenderaan tidak melepaskan asap hitam melebihi 50HSU atau 50%.

Manakala Penguatkuasaan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 bagi memastikan kenderaan tidak melepaskan gas CO melebihi 6% dan HC tidak melebihi 600 ppm.

Sepanjang tahun 2023, daripada 21 operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan, 71 kompaun telah dikeluarkan ke atas pemilik kenderaan.

Operasi statik yang dijalankan secara bersepadu telah mendapat kerjasama daripada Ibu Pejabat Kontingen Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Lebuhraya PLUS serta lain-lain agensi yang turut serta dalam operasi yang dilaksanakan.

Pemilik kenderaan yang gagal mematuhi Peraturan 11(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 boleh dikenakan kompaun, tidak melebihi RM2,000.00.

Bagi kenderaan yang gagal mematuhi Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Petrol) 1996 juga boleh dikenakan tindakan kompaun, tidak melebihi RM2,000.00.

Selain itu, pemilik kenderaan juga boleh dijatuhkan hukuman denda RM5,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali sekiranya kenderaan yang diperiksa gagal mematuhi Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi memastikan kenderaan telah diselenggara dan diuji semula di kemudahan yang telah diluluskan oleh KPAS.



OPERASI STATIK KAWALAN BUNYI BISING KENDERAAN MOTOR

Penguatkuasaan dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 bagi memastikan kenderaan tidak mengeluarkan bunyi bising melebihi 95 dB(A) bagi motosikal yang dipasang selepas 1 Januari 1990.

Sepanjang tahun 2023, daripada 16 operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan, 91 kompaun telah dikeluarkan ke atas penunggang atau pemilik kenderaan.

Operasi statik yang dijalankan secara bersepadu telah mendapat kerjasama daripada Ibu Pejabat Kontingen Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang, Lebuhraya PLUS serta lain-lain agensi yang turut serta dalam operasi yang dilaksanakan.

Operasi ini juga dilaksanakan bagi menangani gejala rempit dan perlumbaan motosikal secara haram di atas jalan raya.

Penunggang atau pemilik kenderaan yang gagal mematuhi Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 boleh dikenakan kompaun, tidak melebihi RM2,000.00.

Selain itu, pemilik kenderaan juga boleh dijatuhkan hukuman denda RM5,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali sekiranya kenderaan yang diperiksa gagal mematuhi Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi memastikan kenderaan telah diselenggara dan diuji semula di kemudahan yang telah diluluskan oleh KPAS.





ADUAN PENCEMARAN ALAM


BAB 3




JENIS ADUAN YANG DITERIMA 2023

TAHUN 2023






■ PEMBAKARAN TERBUKA
■ SELAIN PEMBAKARAN TERBUKA



JENIS SIASATAN ADUAN DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL



981
JUMLAH ADUAN 2023






PENDAKWAAN

BAB 4



KES MAHKAMAH BAGI TAHUN 2023



**BILANGAN KERTAS
SIASATAN
(KOMPAUN)**

168



**BILANGAN KERTAS
SIASATAN**

16



**BILANGAN KES
SELESAI**

4

**JUMLAH KUTIPAN DENDA
MAHKAMAH PADA TAHUN 2023
RM 75, 000**

STATUS KOMPAUN MENGIKUT KESALAHAN

BIL	PERATURAN / SEKSYEN	KOMPAUN KELUAR
1	PKAS (DIESEL)	17
2	PKAS (PETROL)	0
3	PPKAS (BT) 2005	153
4	Sek. 29A, AKAS	5
5	PPKAS (EP) 2009	18
6	PKAS (Kumbahan) 2009	0
7	PPKAS (Kambus Tanah) 2009	0
8	PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987	90
9	PPKAS (PYDT) KPDPBT (1989)/ Peraturan. 7	1



**KOMPAUN:
284**



**JUMLAH BAYARAN:
RM 415,000**

KES MAHKAMAH 2023

Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Butterworth, Pulau Pinang hari ini telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM35,000.00 ke atas sebuah syarikat kerana didapati telah membuat penstoran luar tapak Buangan Terjadual SW110 – buangan elektrik dan elektronik tanpa lesen di bawah Seksyen 18(1) dan tanpa kelulusan Laporan EIA di bawah Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Penstoran luar tapak Buangan Terjadual tersebut beroperasi di lokasi bukan yang dilesenkan oleh JAS. OKS iaitu syarikat Warmtech Sdn Bhd telah mengaku bersalah terhadap dua (2) pertuduhan yang dibacakan. Hakim Pn Noor Aini binti Yusof telah menjatuhkan hukuman bersalah terhadap OKS dan didenda sebanyak RM5,000.00 untuk pertuduhan pertama dan didenda sebanyak RM30,000.00 untuk pertuduhan kedua. OKS diwakili oleh Plant Manager syarikat terbabit hadir semasa sebutan kes dibacakan.

KES MAHKAMAH
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

MAHKAMAH SESYEN 2,
BUTTERWORTH, PULAU PINANG

**PERTUDUHAN
KE ATAS SYARIKAT**

WARMTECH SDN.BHD
No. 1, Jalan IKS Bukit Tengah,
Taman Bukit Tengah,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

TARIKH KESALAHAN : - 14 JUN 2022

PERTUDUHAN :
P1 - Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa lesen.
P2- Seksyen 34A(6) AKAS 1974 iaitu pembinaan kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa kelulusan laporan EIA daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling (KPAS).

**HUKUMAN
KE ATAS SYARIKAT**
OKS MENGAKU SALAH
PADA 18 OKTOBER 2023

DENDA
P1 - RM5,000.00
P2 - RM 30,000.00

JABATAN ALAM SEKITAR
"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

BAHAGIAN

PEMBANGUNAN 2023

Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang



PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

BAB 5




UNIT PENILAIAN EIA

Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menetapkan bahawa sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah mengemukakan suatu Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA) kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Aktiviti yang ditetapkan telah disenaraikan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Jabatan Alam Sekitar Negeri diberi tanggungjawab dalam menilai Laporan EIA di bawah Jadual Pertama, Perintah tersebut dengan kelulusan ditandatangani oleh Pengarah JAS Negeri.

Penilaian Laporan EIA dilaksanakan mengikut Prosedur Kualiti-Penilaian Laporan EIA Jadual Pertama yang disediakan oleh JAS Ibu Pejabat dan *Environmental Impact Assessment Guideline* in Malaysia dengan tempoh penilaian selama 25 hari bekerja.



TINDAKAN STATUS PEMROSESAN LAPORAN EIA 2023 (JADUAL PERTAMA)

STATUS PERMOHONAN LAPORAN EIA BAGI TAHUN 2023

DILULUSKAN


Industri	2
Pembangunan di Kawasan Pantai Bukit	3
Cerun	2
Pengolahan dan Pelupusan Buangan	4
Perumahan	2
Estet Industri	2

DITOLAK

Industri	1
Perlombongan	1
Pembangunan di Kawasan Pantai Bukit	2
Cerun	7
Pengolahan dan Pelupusan Buangan	3
Perumahan	2
Estet Industri	5
Pembangunan di Kawasan Pantai Bukit & cerun	1

DITARIK BALIK

Estet Industri	3
----------------	---



JUMLAH KESELURUHAN LAPORAN EIA YANG DITERIMA ADALAH 53 LAPORAN



**PENGUATKUASAAN
SYARAT – SYARAT
KELULUSAN LAPORAN
EIA**

BAB 6



UNIT POST EIA


Fungsi utama Unit Post-EIA adalah untuk memastikan syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang dikeluarkan kepada pemaju projek dipatuhi sepenuhnya supaya kesan aktiviti-aktiviti pembangunan kepada alam sekeliling dapat dikawal ke arah pembangunan lestari.

Pada tahun 2023, JAS Pulau Pinang telah menjalankan sebanyak 107 lawatan penguatkuasaan pematuhan ke atas syarat-syarat kelulusan laporan EIA bagi projek di negeri Pulau Pinang. Carta berikut menunjukkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Unit Post-EIA bagi memastikan pematuhan syarat-syarat kelulusan laporan EIA. Unit Post-EIA juga mengulas Laporan Pengawasan Bulanan dan Laporan Audit Alam Sekitar sebanyak 50 laporan yang dikemukakan oleh penggerak projek. Di samping itu, pemantauan dan pemetaan dengan menggunakan program GIS dan drone turut dijalankan dari masa ke masa oleh Unit Post-EIA.

Bermula pada tahun 2017, Unit Post-EIA juga ditugas untuk mengulas laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP). EMP merupakan satu (1) elemen bagi memastikan pematuhan terhadap perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar. Pada tahun 2023, sebanyak 51 Laporan EMP telah diproses oleh Unit Post EIA.



PENGUATKUASAAN EIA 2023



PENGUATKUASAAN EIA 2023



INPUT PEMBANGUNAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN

BAB 7




UNIT INPUT PEMBANGUNAN

Unit Input Pembangunan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menilai dan memberi input terhadap cadangan pembangunan yang dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, serta permohonan yang diterima daripada agensi-agensi lain.

Input pembangunan yang akan diberi adalah berdasarkan pematuhan terhadap Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, keperluan penyediaan Laporan EIA berdasarkan jenis aktiviti yang akan dijalankan serta kesesuaian tapak cadangan pembangunan bagi mengurangkan risiko pencemaran kepada reseptor sensitif berhampiran seperti kawasan kediaman dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.



PECAHAN INPUT PEMBANGUNAN YANG DITERIMA MENGIKUT SUMBER PERMOHONAN



NOTIFIKASI

BAB 8



UNIT NOTIFIKASI

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya mengkehendaki pihak industri/premis untuk mengemukakan Pemberitahuan Bertulis terlebih dahulu kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum apa-apa kerja pembinaan atau peningkatan/apa-apa pemasangan atau perubahan kepada sistem kawalan pencemaran dijalankan/dilakukan di premis masing-masing. Pemberitahuan Bertulis ini dikemukakan tiga puluh (30) hari sebelum kerja pemasangan atau pembinaan atau peningkatan alat kawalan atau sistem kawalan pencemaran tersebut dimulakan.


Pemberitahuan Bertulis dikemukakan untuk Alat Pembakaran Bahan Api, Alat/Sistem Kawalan Pencemaran Udara, Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian, Sistem Pengolahan Kumbahan dan Sistem Pengolahan Larut Resapan sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan berikut :

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009; dan
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Rekabentuk sistem kawalan pencemaran hendaklah mengikut dokumen panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pelepasan dari sistem kawalan pencemaran hendaklah mematuhi had-had sepertimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan di atas. Kegagalan mengemukakan Pemberitahuan Bertulis adalah satu kesalahan dibawah peraturan-peraturan tersebut.

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang juga menerima sebanyak 345 bilangan Perisytiharan Bertulis beserta Lukisan Sebagaimana Binaan bagi Alat Pembakaran Bahan Api dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara. Manakala sebanyak 27 bilangan Akuan Bertulis beserta Lukisan Seperti Dibina pula diterima untuk Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian.

PENCAPAIAN NOTIFIKASI APB, SKPU, SPEP, DAN SISTEM PENGOLAHAN KUMBAHAN TAHUN 2023



Pemeriksaan verifikasi ke atas alat kawalan pencemaran



PENGAWASAN ALAM SEKITAR

BAB 9



STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI JABATAN ALAM SEKITAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) 4 LEMBANGAN, 20 SUNGAI, 32 STESEN MANUAL

LEMBANGAN	SUNGAI
PERAI (9 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ KUBANG SEMANG ✓ KEREH ✓ JARAH ✓ AIR MELINTAS ✓ PERTAMA ✓ PERAI
JURU (13 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ JURU ✓ KILANG UBI ✓ PERMATANG RAWA ✓ PASIR ✓ RAMBAI ✓ ARA
JAWI (6 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ CHEMPEDAK ✓ JUNJONG ✓ TENGAH ✓ MACHANG BUBOK ✓ JAWI
KERIAN (4 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ KECHIL ✓ KERIAN

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) 3 LEMBANGAN, 14 SUNGAI, 26 STESEN MANUAL

LEMBANGAN	SUNGAI
BAYAN LEPAS (3 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ BAYAN LEPAS ✓ TIRAM
KLUANG (5 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ KLUANG ✓ ARA ✓ RELAU ✓ DUA BESAR
PINANG (18 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ BATU FERRINGHI ✓ PINANG ✓ TITI KERAWANG ✓ AIR ITAM ✓ SATU ✓ AIR TERJUN ✓ JELUTONG ✓ DONDANG

STESEN SUNGAI AUTOMATIK

ID	LOKASI	TEMPAT
CR04P	Sg. Kulim, Pulau Pinang (Intake Toh Alang)	Kampung Tun Sardon, Mukim 13, Daerah Utara

**TOTAL : 58 STESEN MANUAL
1 AUTOMATIK**



GAMBAR-GAMBAR STESEN MANUAL



GAMBAR-GAMBAR STESEN SUNGAI AUTOMATIK



STESEN LAUT JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

BIL	STESEN KUALA
1	KUALA SUNGAI PINANG BALIK PULAU
2	KUALA SUNGAI TENGAH
3	KUALA SUNGAI PERAI
4	KUALA SUNGAI PINANG
5	KUALA SUNGAI KERIAN
6	KUALA SUNGAI JURU
7	KUALA SUNGAI JAWI

BIL	STESEN PULAU-RESORT
1	AMAN
2	JEREJAK
3	KENDI
4	RIMAU
5	GEDONG

BIL	STESEN PULAU - PEMBANGUNAN
1	BATU MAUNG
2	PADANG KOTA
3	TELUK BAHANG

BIL	STESEN PULAU- PROTECTED
1	TANJUNG TOKONG


BIL	STESEN PANTAI
1	GERTAK SANGGOL
2	KAWASAN PERINDUSTRIAN BAYAN LEPAS I
3	PANTAI BERSIH
4	PANTAI MIAMI
5	PANTAI PASIR PANJANG
6	BATU FERINGGI (CASUARINA)
7	LUAR PANTAI TELUK BAHANG
8	PERSIARAN GURNEY
9	RUMAH PAM BARU PERAI
10	RUMAH PAM LAMA PERAI
11	SELAT PP SELATAN (JELUTONG)
12	TANJUNG BUNGAH
13	TELUK TEMPOYAK
14	BATU MAUNG 2
15	BATU FERINGGI C
16	BATU FERINGGI B
17	BATU FERINGGI A

TOTAL : 33 STESEN MANUAL



GAMBAR-GAMBAR KERJA PERSEMPELAN AIR LAUT

STESEN UDARA JABATAN ALAM SEKITAR



BIL	ID STESEN	TEMPAT	LOKASI
1	CA06P	Sek.Keb. Seberang Jaya II	Seberang Jaya, PULAU PINANG
2	CA07P	Kolej Vokasional Seberang Perai	Seberang Perai, PULAU PINANG
3	CA08P	Universiti Sains Malaysia	Minden, PULAU PINANG
4	CA09P	Kolej Vokasional Balik Pulau	Balik Pulau, PULAU PINANG

TOTAL : 4 STESEN AUTOMATIK

STESEN TELAGA BAWAH TANAH JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

Nombor Telaga	Lokasi Telaga	Latitud & Longitud	Kedalaman (m)	Jenis Guna Tanah
MW (7) - P(LV) - 1 - 7.45	Perkampungan Ladang Valdor	N 5.25300 E 100.493800	7.45	Penanaman bangkai haiwan
MW (7) - P(LV) - 2 - 6.78	Perkampungan Ladang Valdor	N 5.24000 E 100.492800	6.78	Penanaman bangkai haiwan
MW (7) - P(LV) - 3 - 7.30	Perkampungan Ladang Valdor	N 5.25400 E 100.491800	7.3	Penanaman bangkai haiwan
MW (7) - P1 - 2 4.50	Mak Mandin (MAGRI)	N 5.415900 E 100.385700	4.5	Industri
MW (7) - P1 - 1 - 6.50	Mak Mandin (KASTAM)	N 5.403200 E 100.391500	6.5	Industri
MW (7) - P2 - 1 - 4.34	Bayan Lepas	N 5.308600 E 100.296300	6.5	Industri

TOTAL : 6 STESEN
TELAGA BAWAH TANAH



GAMBAR-GAMBAR PERSEMPELAN AIR BAWAH TANAH



PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

BAB 10



PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR



SAMBUTAN HARI BUMI 2023

Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.

Sambutan Hari Bumi 2023 mengetengahkan tema “Invest in Our Planet”. Program ini melibatkan pelbagai pihak termasuklah agensi kerajaan, pihak swasta, institusi awam, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat. Sebanyak 8 aktiviti telah dilaksanakan sepanjang sambutan Hari Bumi 2023

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Bumi	Tarikh	Tempat
1	Program pembersihan pantai bersama pelajar dan pensyarah Institut Pendidikan Guru, Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam	10/03/23	Pantai Teluk Bayu, Bayan Lepas
2	Program Berbasikal anjuran bersama Inari Technology Sdn Bhd	11/03/23	Inari Technology Sdn Bhd, Bayan Lepas
3	Program pembersihan pantai bersama kakitangan Inari Technologies	11/03/23	Pantai Quensbay, Bayan Lepas
4	Lawatan teknikal bersama pihak industri ke Bukit Bendera	15/03/23	Bukit Bendera
5	Program "Friends of Sea Turtles" bersama Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara dan Kao Penang	18/03/23	Taman Negara Pulau Pinang
6	Program reka cipta daripada bahan buangan dan Iftar Ramadhan	30/03/23	Pusat Inapan Kasih Sayang Zakat Pulau Pinang, Pongsu Seribu
7	Program pembersihan pantai dan lawatan ke Kapal Perang sempena Hari Terbuka TLDM	27/04/23	Jeti Swettenham, Penang
8	Seminar Perlesanan dan Majlis Penyerahan Lesen PYDT Sempena Hari Bumi	10/05/23	Ixora Hotel, Perai



PROGRAM BERBASIKAL ANJURAN BERSAMA INARI TECHNOLOGY SDN BHD

PROGRAM BERBASIKAL DAN PEMBERSIHAN PANTAI QUEENSBAY, PULAU PINANG BERSAMA INDUSTRI SEMPERNA SAMBUTAN HARI BUMI 2023

11 MAC 2023, BAYAN BARU - Program berbasikal dan pembersihan pantai Queensbay telah dianjurkan oleh sebuah premis semikonduktor Inari Technologies yang terletak di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Program dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang itu telah membuka dimensi baru dalam memupuk usaha pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar.



LAWATAN TEKNIKAL BERSAMA PIHAK INDUSTRI KE BUKIT BENDERA

15 MAC 2023, BUKIT BENDERA - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang telah menganjurkan lawatan teknikal kesinambungan dari Environmental Seminar yang diadakan pada 13 -14 Mac di The Light Hotel. Lawatan ini telah dijalankan di Bukit Bendera dan di The Habitat Penang Hill.

Program ini telah disertai oleh rakan- rakan dari agensi kerajaan, industri, government link companies (GLC) dan perunding alam sekitar yang juga merupakan Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS). Peserta telah dibawa ke Penang Hill Gallery Edgecliff dan ke The Habitat Penang Hill untuk menerokai khazanah alam semulajadi yang tidak ternilai dan perlu dipelihara sebaiknya.

Bukit Bendera telah menerima pengiktirafan dari UNESCO sebagai salah satu Tapak Rizab Biosfera di dunia yang juga merupakan tapak biosfera ketiga di Malaysia.



SEMINAR PERLESENAN DAN MAJLIS PENYERAHAN LESEN PYDT SEMPENA HARI BUMI



SEMINAR KHAS PELESENAN DAN MAJLIS PENYERAHAN LESEN PREMIS YANG DITETAPKAN BUANGAN TERJADUAL (PYDT-BT)

10 MEI 2023, PERAI - Bertempat di Grand Ballroom, Hotel Ixora Seberang Jaya, satu Seminar Khas Pelesenan dan Majlis Penyerahan Lesen PYDT - BT sempena Sambutan Hari Bumi 2023 telah dianjurkan oleh JAS Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kelab Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (KASPEN). Seramai 90 orang peserta terdiri daripada Orang Yang Berwibawa (OYB) dan wakil pengurusan syarikat daripada 54 buah premis pengolahan dan pemerolehan kembali buangan terjadual yang dilesenkan dibawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di Pulau Pinang telah menghadiri seminar khas ini.

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun dengan membawa tema yang tersendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh United Nations Environment Programme (UNEP). Tema Hari Alam Sekitar Sedunia ialah "Solutions to Plastic Pollution".

Pada tahun 2023, JAS Pulau Pinang turut terlibat dalam pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar terutamanya dari segi usaha untuk mengurangkan pencemaran dari plastik.

Berikut adalah antara aktiviti yang dijalankan bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia :



Program menanam pokok menggunakan bekas buangan plastik terpakai "1 murid 1 pokok"



Program penanaman pokok bakau anjuran Western Digital dan Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara



Pertandingan Reka Cipta daripada Bahan Buangan, Mewarna dan Ikrar Alam Sekitar oleh Kanak-kanak Pra Sekolah SK Permatang Pasir



Penanaman 50 pokok di dalam premis P5, Flex Penang, Kawasan Perindustrian Nagasari, Perai



Jelajah Alam Sekitar bersama Rakan Alam Sekitar

PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR BERSAMA KANAK - KANAK CILIK BERSEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2023

Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Kanak-Kanak Cilik Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Pasir serta aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program berlangsung pada 6-7 Jun 2023. Program ini adalah bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2023 yang disambut pada 5 Jun 2023.



SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA

Sambutan Hari ozon disambut pada 16 September 2023 dengan membawa tema yang tersendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Montreal Protocol: “Fixing the Ozone Layer and Reducing Climate Change”.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bersempena Hari Ozon Sedunia ini sebagai salah satu langkah mempromosi kempen kesedaran alam sekitar berkisarkan tentang keperluan penjagaan alam sekitar dan masalah penipisan lapisan ozon melibatkan pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat.

Gambar disebelah menunjukkan salah satu program bersempena Hari Ozon Sedunia bersama –sama kanak-kanak tadika.



PROGRAM “ALAMKU, TANAH AIRKU” SEMPENA HARI OZON SEDUNIA

2 SEPTEMBER 2023, TELUK BAHANG - JAS Pulau Pinang telah menyertai program "Alamku, Tanah Airku" anjuran Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara yang diadakan di Tropical Spice Garden, Pulau Pinang. Program ini turut disertai oleh wakil dari Jabatan Taman Negara Pulau Pinang, Pejabat Wakil Tentera Laut (PWTL) Pulau Pinang Resident Naval Officer Penang - TLDM Penang dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.

Kawasan yang menempatkan lebih kurang 500 spesis flora & fauna yang eksotik ini diserikan dengan kibaran jalur gemilang oleh para peserta. Selain berpeluang menghayati keindahan alam semulajadi, para peserta diberi pendedahan dan informasi tentang spesis tumbuhan herba, rempah ratus dan pelbagai jenis tumbuhan unik dan jarang ditemui.



KEMPEN LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA DI SMK PENANTI

Program Khidmat Masyarakat

'LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA : SIFAR KARBON'

Anjuran : Pusat Tingkatan Enam SMK Penanti dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang

**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT
PUSAT TINGKATAN ENAM
LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA :
SIFAR KARBON**

27 September 2023 (Rabu)
8.00 pagi – 2.00 petang
Dewan Al-Ghazali, SMK Penanti

Anjuran :
Pusat Tingkatan Enam SMK Penanti
Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang



**JANGAN BURUKKAN LAGI KEADAAN
TERUTAMA SEMASA
CUACA PANAS
"JANGAN BAKAR BAKAR,
NANTI KENA SAMAN"**

KOMPAUN: RM 2,000.00 ATAU
DENDA: 500,000.00 / 5 TAHUN PENJARA



PESANAN DARI JABATAN ALAM SEKITAR
DENGAN KERJASAMA E-CUBE

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR

**HARI ALAM
SEKITAR NEGARA**
"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

NEGARA

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) disambut pada 21 Oktober setiap tahun dengan tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Satu platform untuk memberi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan aktiviti kesedaran alam sekitar sepanjang tahun 2023.

Mempromosi Hari Alam Sekitar Negara kepada semua pihak sebagai satu hari sambutan eksklusif di bawah Jabatan Alam Sekitar yang disambut di setiap negeri.

Mewujudkan kerjasama berterusan di antara JAS dengan semua pihak dalam menjayakan aktiviti kesedaran alam sekitar.

Pertandingan Deklamasi Sajak Secara Maya Peringkat Sekolah Rendah negeri Pulau Pinang

Beach Clean Up- Tree Planting for Turtle Program

Pertandingan "Doodle Art" Peringkat Sekolah Menengah Negeri Pulau Pinang.

Program "Nature Walk" Taman Negeri Bukit Panchor Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2023

Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang

Pertandingan Mewarna Sempena HASN 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang

Pertandingan Envirohunt Sempena HASN 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang

Kayuhan Hijau Sempena HASN 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang

MAJLIS SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

11 NOVEMBER 2023, KEPALA BATAS - Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Setia Fontaines, Kepala Batas Pulau Pinang. Majlis ini telah dihadiri oleh rakan strategik JAS Pulau Pinang yang terdiri daripada agensi kerajaan negeri dan persekutuan, pihak industri, insititusi pengajian tinggi awam, pertubuhan bukan kerajaan, juruperunding dan sekolah.

Majlis dirasmikan oleh Encik Zuhair bin Jamaludin, Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang, mewakili YB EXCO Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri Sundarajoo a/l Somu. Majlis diadakan dengan kerjasama Setia Fontaines ini adalah bagi memberikan penghargaan di atas kerjasama dari pelbagai pihak yang menyokong usaha Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar sepanjang tahun 2023.

Sebanyak 36 rakan strategik yang terlibat dalam program kesedaran alam sekitar bersama JAS Pulau Pinang telah diraikan dan diberikan penghargaan. Anugerah CEPA HASN 2023 Pulau Pinang telah diperkenalkan bagi tahun ini bagi menghargai kerjasama, sokongan dan komitmen dalam menjayakan kepelbagaian program kesedaran alam sekitar secara berterusan saban tahun. Penerima Anugerah CEPA HASN 2023, JAS Pulau Pinang telah diberikan kepada MSM Prai Berhad, UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara.



ANTARA PROGRAM SEPANJANG SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR PERINGKAT PULAU PINANG TAHUN 2023



PERTANDINGAN ENVIROHUNT SEMPENA HASN 2023 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

11 NOVEMBER 2023, KEPALA BATAS : Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dengan kerjasama R-Sync Technical Resources Sdn. Bhd. dan Greenviron Resources telah menjayakan Pertandingan “Envirohunt Challenge 2023” di Setia Fontaines, Kepala Batas bersempena Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Program yang dikendalikan oleh unit Penguatkuasaan EIA ini telah disertai oleh pasukan dari Pejabat Perhutanan Daerah Seberang Perai Selatan, Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara, MSM Prai Berhad, RNO Penang-Pegawai Wakil Tentera Laut Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara, Stesen Janakuasa Gelugor (TNB), Penang Development Corporation (PDC), Cycle Trend Industries Sdn. Bhd. dan IJM Construction. Para peserta perlu melalui pelbagai cabaran yang telah disediakan di sepanjang laluan kawasan taman rekreasi Setia



PROGRAM BERBASIKAL BERSEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

11 NOVEMBER 2023, KEPALA BATAS - Program Berbasikal Bersempena Hari Alam Sekitar Negara 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan melibatkan kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang yang diketuai oleh Cawangan Bayan Lepas dengan Inari Technology Sdn. Bhd. Seramai 40 orang peserta terdiri daripada JAS Pulau Pinang, Inari Technology Sdn. Bhd. dan UiTM Cawangan Pulau Pinang yang juga merupakan rakan alam sekitar telah menyertai kayuhan ini.


Pelepasan peserta kayuhan oleh Encik Norazizi bin Adinan, Pengarah JAS Pulau Pinang telah diadakan di hadapan Setia Experience Center, Setia Fontaines. Program berbasikal yang melibatkan kayuhan sejauh 11 km ini turut diisi dengan perkongsian maklumat berkenaan alam sekitar dengan peserta yang terlibat.

Tahniah kepada semua peserta yang berjaya melengkapkan pusingan kayuhan dengan baik dan selamat. Terima kasih kepada semua peserta, rakan kerjasama, pihak Setia Fontaines, pasukan RELA dan APM yang telah menjayakan Program Berbasikal Bersempena Hari Alam Sekitar Negara 2023

P... gan jayanya.



PERTANDINGAN "DOODLE ART" SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2023 PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH PULAU PINANG



KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (BEE)

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang di bawah Unit Pendidikan turut menjalankan kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (BEE) di seluruh negeri Pulau Pinang dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pengurusan BEE yang betul dan selamat.

Sebanyak 17 kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik ini berjaya dilaksanakan pada tahun 2023 di seluruh Pulau Pinang dengan anggaran kutipan buangan sebanyak 7 Metrik Tan.

JAS Pulau Pinang turut menjalankan kempen buangan BEE ini di Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara pada hari Sabtu, hujung bulan.



KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (BEE)



Program berlangsung di Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara cawangan Bertam pada 9 Julai 2022



Program berlangsung di UITMPP cawangan Bertam pada 14 Julai 2023 bersempena HASN



PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) JAS PULAU PINANG TAHUN 2023



Program Lontaran Mudball di Jinko Solar



Program Penanaman pokok bakau di Pantai Malindo



Prgram Kutip Sampah sambil riadah di Bayan Lepas



CERAMAH DAN TAKLIMAT

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang telah mengadakan ceramah kesedaran alam sekitar dan juga taklimat yang berkaitan dengan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Ceramah dan taklimat ini bukan sahaja disampaikan melalui jemputan yang diterima oleh Jabatan tetapi juga melalui program yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan sendiri antaranya melalui seminar yang dijalankan di bawah Kelab Alam Sekitar Pulau Pinang (KASPEN).

Sebanyak 32 ceramah dan taklimat telah dijalankan pada tahun 2023. Antara Ceramah yang diadakan adalah seperti di Taska Perpaduan Seberang Perai Selatan dan Universiti Sains Malaysia Kampus Kejuruteraan



PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat di dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Program ini melibatkan anggota masyarakat dari pelbagai lapisan masyarakat. RAS bukan sahaja berperanan sebagai mata & telinga JAS ataupun agensi-agensi yang berkaitan dalam membanteras isu-isu alam sekitar, tapi menunjukkan sokongan kepada usaha pemeliharaan alam sekitar samada melalui penguatkuasaan ataupun aktiviti- aktiviti kesedaran alam sekitar yang dijalankan. Pada tahun 2023 seramai 345 orang telah mendaftar sebagai Rakan Alam Sekitar baru menjadikan jumlah keseluruhan RAS di Pulau Pinang adalah 11,000 orang.

Bagi memastikan ahli RAS sentiasa dekat dengan JAS Pulau Pinang, aktiviti kesedaran alam sekitar yang dijalankan turut melibatkan sukarelawan dari RAS.



PROGRAM PENANAMAN POKOK BAGI TAHUN 2023 JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

Kempen penanaman pokok ini bersempena dengan Kempen Penghijauan Malaysia. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti. Oleh itu, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang telah menyambut baik kempen ini dengan menanam 700 pokok sepanjang tahun 2023. Ia juga bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Nama Program	Bilangan Pokok
Program penanaman pokok bakau anjuran Western Digital dan Pertubuhan Nur Salam Wilayah Utara	600
Penanaman 50 pokok di dalam premis P5, Flex Penang, Kawasan Perindustrian Nagasari, Perai	50
Program menanam pokok menggunakan bekas buangan plastik terpakai "1 murid 1 pokok"	40
Majlis Perasmian Minggu Alam Sekitar Malaysia 2023 Sempena HASN oleh MSM Prai Berhad	10
Jumlah	700



BAHAGIAN PENTADBIRAN 2023

Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang



PENTADBIRAN

BAB 11





**PENJAWATAN BAGI
JABATAN ALAM SEKITAR
PULAU PINANG**



ANUGERAH PERKHIDMATAN

CEMERLANG 2023



Abdul Rahim bin Daros
Penolong Pegawai
Kawalan Alam Sekitar
Gred C38



**Mohd Sohaimin bin
Abdul Karim**
Penolong Pegawai
Kawalan
Alam Sekitar
Gred C32 (TBK)



**Md Shah Rizal bin
Ramlie**
Penolong Jurutera
Gred JA29



**Noor Idawati binti
Ahmad**
Penolong Jurutera
Gred JA29



Saliza binti Ibrahim
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N26 (TBK)



Zaidi bin Kasim
Pemandu
Kenderaan
Bermotor
Gred H11

LATIHAN PELAJAR INDUSTRI

BAB 12



5M ISI LATIHAN INDUSTRI



Mendedahkan para pelajar ke alam pekerjaan sebenar

Meluaskan pemahaman, pengetahuan dan kemahiran pelajar

Menilai dan mengetahui kebolehan diri

Menilai dan mengetahui kebolehan diri


Memberi pengetahuan tentang budaya kerja



SENARAI NAMA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

NAMA	TEMPOH LATIHAN	PUSAT PENGAJIAN	JURUSAN/BIDANG	PENEMPATAN
Nurussyifa binti Basri	29/08/22 – 10/02/23	UiTM Merbok	Bachelor of Business Administration	JAS Negeri
Nur Azlin Karmila binti Anuar	01/09/22 – 31/01/23	UiTM P. Perdana	Bachelor of Information Science	JAS Negeri
Nur Bazilah binti Abu Bakar	01/03/23 - 15/08/23	UiTM Machang	Bachelor in Office System Management	JAS Negeri
Nur Ayuni Irdani bt Mohd Asri	01/05/23 - 15/09/23	KV Arau	Diploma Kesetiausahaan Pentadbiran	JAS Negeri
Azzatul Amira Bt Azman	01/09/22 - 31/01/23	UiTM Shah Alam	Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia	JAS Negeri
Syddatyus Syariha bt Mohamad Akhir	29/08/22 - 10/02/23	UKM	Bachelor of Sosial Science (Geography)	JAS Negeri
Siti Sabinah bt Syed Sultan Ibrahim	16/10//23 - 12/04/24	USM	Bachelor Technology	JAS Negeri
Nur Hanisya binti Hakimi	07/08/23 – 29/09/23	UiTM P/Pauh	Bachelor Chemical Engineering	JAS Negeri
Anis Zulaikha binti Azlan	25/09/23 – 12/01/24	UiTM Perlis	Diploma Kimia Perindustrian	JAS Negeri
Imaan Najwa binti Mustafa	02/10/23- 07/06/24	Universiti Malaysia Kelantan	Bachelor of Applied Science (Natural Resources)	JAS Negeri
Siti Nor Atikah binti Che Di	19/11/23 – 09/03/24	Kolej Poly-Tech Mara Alor Setar	Diploma in Office Management	JAS Negeri





**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR**

JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

Aras Bawah & Tingkat 1,
Wisma Persekutuan Seberang Perai
Utara,
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang



NO. TEL 04-5751911

NO. FAKS 04-5751455



WEBSITE www.doe.gov.my

**“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB
BERSAMA”**